

MENGENALPASTI HUBUNGAN SOKONGAN IBUBAPA TERHADAP PRESTASI AKADEMIK PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

**Norhaida Shaarani, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri,
Nor Rosmawati Abdul Karim, Farah Mohd Shahwahid, & Haliyana Tonot**
Jabatan Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS
aida.shaarani@gmail.com, firdaussabri@kuis.edu.my,
norroskawati@kuis.edu.my, farahms@kuis.edu.my, haliyana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor faktor sokongan ibubapa terhadap prestasi akademik pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Data diperoleh melalui responden seramai 326 pelajar ijazah sarjana muda daripada tiga fakulti di KUIS iaitu Fakulti Pengurusan Muamalah (FPM), Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) dan Fakulti Akademi Islam (AI). Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Faktor yang dikaji meliputi komunikasi, komitmen dan sokongan sosial. Analisis data dilaksanakan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS 20.0). Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara komunikasi, komitmen dan sokongan sosial terhadap prestasi akademik pelajar KUIS. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa faktor komunikasi mempunyai hubungan yang paling signifikan atau paling dominan ke atas prestasi akademik pelajar berbanding faktor-faktor lain.

Kata Kunci: Sokongan Ibubapa, Prestasi Akademik, Komunikasi, Komitmen dan Sokongan Sosial

PENDAHULUAN

Ibubapa merupakan pembimbing yang diberi amanah oleh Allah s.w.t untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berguna di dunia dan di akhirat. Mereka adalah insan terawal dan paling hampir dengan pelajar dalam menerapkan asas pendidikan yang kukuh dalam diri mereka (Mohd Fadzli, 2007). Ibubapa mempunyai kekuatan dan keunikan tersendiri dalam memberi sumbangan ke arah pembangunan prestasi dan kemajuan akademik pelajar. Pendapat ini disokong oleh Arnold et al. (2008) dimana menurut kajian beliau, ibubapa mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan dalam pembangunan dan kemajuan pelajar.

Ibubapa merupakan antara golongan yang paling mempengaruhi dalam perkembangan dan pembesaran anak-anak sejak dari kecil sehinggalah ke peringkat institusi yang lebih tinggi (Gonzalez-Pienda et al, 2002; Ismail Ibrahim, 2002). Anak-anak adalah refleksi atau cerminan terhadap Ibubapa mereka. Kehidupan seharian anak-anak tidak langsung dipengaruhi oleh sikap ibubapa itu sendiri. Ini turut dipersetujui oleh Candis (2003) yang menghuraikan bahawa ibubapa

merupakan “role model” kepada anak-anak, dan ibubapa yang mempunyai anak-anak yang berjaya dalam akademik akan sentiasa memberi nasihat dan mengambil tahu hal ehwal anak-anak.

Menurut Mustafa Daud (2004), ibubapa haruslah mempunyai kemahiran dari sudut interaksi, komunikasi dalam mendisiplinkan anak-anak. Tambahan juga, penglibatan ibubapa dalam memberi sokongan kepada anak-anak adalah sangat penting dan memberi kesan yang positif dalam mempertingkatkan kejayaan anak-anak sepanjang proses pembelajaran samada secara langsung ataupun tidak langsung (Jeynes, 2005; Soo, 2000).

Sebagai kesimpulannya, kesan dari penglibatan ibubapa dan keluarga terhadap pembangunan akademik pelajar tidak boleh di ambil ringan kerana ia adalah suatu perkara yang penting dalam mendidik generasi baru pada masa sekarang (Fauziah Hanim, 2006). Anak-anak adalah tulang belakang negara, maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya ibubapa untuk mendidik anak-anak mereka agar mereka terus cemerlang dalam bidang akademik dan berakhlak mulia dalam membangunkan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji hubungan di antara komunikasi ibubapa dengan pencapaian akademik pelajar KUIS.
- ii. Mengkaji hubungan di antara komitmen ibubapa dengan pencapaian akademik pelajar KUIS.
- iii. Mengkaji hubungan di antara sokongan sosial ibubapa dengan pencapaian akademik pelajar KUIS.

SOROTAN KAJIAN

1. Prestasi Akademik

Prestasi akademik memberi maksud kemampuan dan kebolehan pelajar-pelajar menerima dan menguasai pelajaran yang dipelajari di sekolah (Norzahida Mohamed, 2013). Selain itu, prestasi akademik adalah istilah untuk menunjukkan satu pencapaian tingkat keberhasilan tentang sesuatu tujuan, kesan daripada suatu usaha belajar yang telah dilakukan oleh seseorang pelajar secara optimal (Setiawan, 2006). Menurut Naam Sahputra (2009), prestasi akademik merupakan hasil yang dicapai mahasiswa dalam pembelajaran mereka yang dapat dilihat dari keputusan yang diperoleh mahasiswa selama menjalani proses pembelajaran. Hal ini turut disokong oleh Zalizan Mohd Jelas *et al.* (2005) dimana beliau menjelaskan bahawa pencapaian akademik atau pencapaian pendidikan yang diterjemahkan dalam bentuk keputusan yang baik dan dicapai dalam peperiksaan pada peringkat menengah atau peringkat pengajian tinggi sering digunakan sebagai pengukur kepada perkembangan intelek atau minda. Kejayaan akan dapat dicapai jika mereka mendapat bimbingan yang betul dan galakan yang berterusan daripada orang yang berada di sekeliling mereka terutamanya ibubapa. (Noor Su'adah Mohd Zawawi & Zalinah Mohamed, 2013). Ibubapa mempunyai tanggungjawab yang amat besar demi memastikan anak-anak mereka cemerlang dalam pelajaran.

Semakin tinggi sokongan yang diberikan oleh ibubapa, maka semakin meningkat prestasi akademik pelajar tersebut. Sebaliknya, semakin kurang sokongan ibubapa semakin menurun

pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, faktor sokongan daripada ibubapa melalui komunikasi, komitmen dan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

2 Sokongan Ibubapa

Berdasarkan Kamus Dewan (2007), sokongan merujuk kepada sesuatu yang dijadikan sokong (tiang) atau tunjangan. Ia juga merujuk kepada perbuatan menyatakan persetujuan dan memberi perangsang dengan atau tanpa bantuan kebendaan atau bantuan wang dan lain-lain.

Sokongan ibubapa adalah penting kepada prestasi pelajar dalam memberikan didikan, galakan dan dorongan supaya mereka tidak leka dalam pembelajaran dan dapat membentuk sahsiah diri yang lebih baik. Berdasarkan kajian Amla Salleh (2010). Umumnya, penglibatan ibubapa di dalam pencapaian akademik pelajar adalah merujuk kepada interaksi ibubapa dengan pihak institusi berkaitan pembelajaran anak-anak mereka bagi menggalakkan kemajuan akademik dan menawarkan sokongan terhadap aktiviti yang dijalankan di institusi pengajian (Hill & Tyson, 2009). Crosnoe (2010) berpendapat, sokongan keluarga mempunyai kesan ke atas peralihan kanak-kanak dan boleh bertindak sebagai faktor pelindung. Tambahan lagi, sokongan daripada ibubapa dapat meningkatkan lagi harga diri anak-anak mereka supaya menjadi seorang yang lebih kreatif, bijak dan berkemahiran dalam membuat keputusan (Howard, 2007).

Kepentingan sokongan ibubapa turut diperkukuhkan lagi dengan kajian oleh Mahaffy (2004) yang merumuskan bahawa sokongan ibubapa menunjukkan nilai signifikan yang positif kerana mempunyai pembangunan diri yang positif dalam peningkatan akademik pelajar. Secara umumnya, ibubapa tidak secara terus terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau di IPT. Mereka hanya menyediakan kewangan dan peralatan sekolah untuk anak-anak. Cara pengurusan ibubapa dalam menangani anak-anak mereka dipengaruhi oleh kedudukan sosioekonomi dan faktor sekeliling (Bushra Iqbal Chohan, 2010). Namun begitu, adalah penting bagi ibubapa untuk memantau anak-anak mereka dan sentiasa berada disisi mereka apabila diperlukan dan tidak hanya menyerahkan urusan anak-anak sepenuhnya kepada pihak sekolah mahupun IPT.

3. Komunikasi

Komunikasi berasal daripada perkataan Latin '*communiatus*' yang membawa maksud berkongsi sesuatu (Nor Shafrin Ahmad *et al.* 2009). Kamus Dewan (2007) pula mendefinisikan komunikasi sebagai perhubungan (secara langsung atau dengan perantaraan), mengadakan perhubungan (berbincang, bertukar-tukar fikiran) atau menyampaikan maklumat. Komunikasi merupakan medium penghubung antara dua pihak dan juga merupakan proses yang dinamik yang secara berkesinambungan mengubah pihak-pihak yang berkomunikasi (Rakhmat, 2005). Norsaleha Mohd Saleh (2012) melalui kajian beliau menyatakan bahawa prinsip komunikasi yang berkesan adalah melalui kefahaman, keseronokan, pengaruh ke atas sikap, memperbaiki hubungan, wujudnya tindakan susulan, komunikasi mata, kedudukan tubuh dan pergerakan serta keterampilan.

Komunikasi ibubapa bersama anak-anak amat penting dalam perhubungan kekeluargaan. Anak-anak akan lebih mudah mengeluarkan sebarang pendapat atau mengadukan sebarang masalah dengan orang yang paling hampir dengan mereka. Anak-anak menginginkan keprihatinan

ibubapa kerana mereka memerlukan tempat untuk meluahkan permasalahan, berkongsi suka duka, pahit dan manis setiap apa yang mereka lakukan. Sapora Sipon (2010) turut mempunyai pendapat yang sama dimana beliau berpendapat masa yang diperuntukkan untuk anak-anak ini dapat digunakan untuk mereka bersama berbual-bual dan berkomunikasi antara satu sama lain bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Keluarga perlu mengamalkan komunikasi yang terbuka dan memberi sokongan terhadap perubahan yang dialami kerana tempoh alam remaja merupakan proses yang mencabar dan perlunya pengawalan sebaiknya daripada ibubapa. Ibubapa juga seharusnya mengelakkan untuk berkomunikasi perkara-perkara negatif seperti memperkecilkan dan mempersendakan anak. Pendapat ini disokong oleh DeFrain dan Asay (2007) yang menyatakan bahawa keluarga yang berjaya seringkali berkomunikasi secara positif dan sentiasa berbincang dan mengenalpasti masalah yang dihadapi. Kekurangan komunikasi dan interaksi mengakibatkan permasalahan yang dihadapi oleh kedua belah pihak tidak dapat diselesaikan bersama dan seterusnya menyebabkan kedua belah pihak menyalahkan peranan dan tanggungjawab antara satu sama lain (Dolly, 2006). Hasil kajian Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014), menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan diantara kemahiran komunikasi keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.

4. Komitmen

Komitmen adalah kemampuan dan kemahuan untuk menyelaraskan perlakuan peribadi dengan keinginan, keutamaan dan tujuan bagi sesuatu perkara yang merangkumi cara-cara mengembangkan tujuan dan memenuhi kemahuan organisasi yang mendahulukan misi organisasi daripada kepentingan peribadi (Soekidjan, 2009).

Komitmen ibubapayang tinggi terhadap anak-anak melalui didikan dan asuhan yang diberikan akan memberikan kesan positif kepada pencapaian akademik pelajar (Mohammad Johdi Salleh, 2009). Ini kerana, apabila ibubapa memberikan perhatian sepenuhnya dan berterusan kepada anak-anak, mereka akan berasa diri mereka lebih dihargai dan disayangi. Ini diperkukuhkan lagi melalui kajian DeFrain dan Asay (2007) yang menyatakan bahawa keluarga yang kukuh akan sentiasa mengambil tahu antara satu sama lain dalam semua perkara termasuklah hal-hal berkaitan kesihatan, berkorban masa dan tenaga dalam aktiviti keluarga dan sentiasa bertanggungjawab dalam melakukan kerja tanpa menghabiskan masa diluar melebihi daripada kepentingan berinteraksi dalam keluarga.

Emat (2005) pula menyatakan di dalam kajian beliau bahawa pencapaian pelajar lebih bermakna apabila kaum keluarga dan ibubapa mereka juga turut berperanan dan melibatkan diri dalam mencapai kejayaan anak-anak mereka. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian oleh Andrew (2008) yang membuktikan bahawa pelajar akan bersikap lebih baik di institusi pengajian apabila ibubapa mereka terlibat secara aktif dalam pendidikan mereka. Situasi ini akan memberi kesan yang positif kepada anak-anak kerana mereka merasakan ibubapa memberi perhatian yang khusus dan mengambil berat mengenai pembelajaran mereka dan aktiviti lain yang dilakukan.

5. Sokongan Sosial

Secara fitrahnya, manusia tidak boleh untuk hidup bersendirian (Azizi Yahaya, 2010). Sokongan sosial merujuk kepada membantu seseorang menerima sesuatu melalui perhubungan tidak formal

(melalui kawan atau keluarga) mahupun perhubungan formal atau professional (penyelia atau rakan sekerja) (Zamzam Mohd Walid, 2011).

Menurut Sapora Sipon (2010), anak-anak berasa lebih selamat apabila diberi kasih sayang yang ikhlas daripada ibubapa kerana mereka merasakan sentiasa dimiliki dan disayangi. Hasil sokongan sosial yang baik akan membantu perkembangan dan pertumbuhan anak-anak agar lebih teratur, baik dan stabil.

Ibubapa juga perlu mempunyai kawalan sosial terhadap anak-anak, jika tidak mereka akan mudah terjerumus ke dalam pelbagai masalah sosial yang lebih teruk. Ibubapa juga perlu tahu siapa rakan-rakan anak mereka, ke mana mereka pergi dan apa yang mereka lakukan (Zakiyah Jamaluddin, 2004). Pendapat ini disokong oleh Mohd Taib Dora (2004) melalui kajian beliau yang mendapati bahawa kurangnya kasih sayang dan kawalan sosial daripada ibubapa akan menyebabkan pembentukan tingkahlaku yang tidak bermoral dan negatif dalam kalangan remaja. Pendapat ini turut disokong oleh Zakiyah Jamaluddin (2004) dimana beliau berpendapat ibubapa memainkan peranan penting dalam perkembangan psikososial dan sahsiah anak-anak.

Kepercayaan ibubapa terhadap pendapat dan tindakan serta menghargai remaja sebagai seorang individu, remaja dan anak sangat penting dalam membentuk remaja hari ini supaya menjadi individu yang berguna dan berdikari. Belia yang mempunyai motivasi diri yang rendah dan kurang sokongan ibubapa akan mendorong mereka berkelakuan negatif serta mudah terjebak dengan pelbagai kegiatan berisiko yang lebih serius apabila meningkat dewasa (Monahan *et al.*, 2009). Implikasi sokongan ibubapa melalui sokongan sosial kepada prestasi akademik pelajar akan memberi kesan positif kearah pembentukan kecemerlangan bukan sahaja dari sudut akademik tetapi juga dari setiap aspek kehidupan (Siti Nor Yaacob *et al.*, 1994).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengkhususkan kepada pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Muamalah (FPM), Fakulti Akademi Islam (AI) dan Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) yang terletak di Bandar Seri Putra, Bangi. Kajian turut menggunakan satu set borang soal selidik yang akan dijawab oleh semua responden. Kajian ini secara menyeluruh ingin mengkaji berkenaan kesan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar KUIS.

1. Hipotesis Kajian

Jadual 1: Hipotesis Kajian

1	H0	Tidak terdapat hubungan signifikan antara komunikasi dengan prestasi akademik pelajar.
	H1	Terdapat hubungan signifikan antara komunikasi dengan prestasi akademik pelajar.
2	H0	Tidak terdapat hubungan signifikan antara komitmen dengan prestasi akademik pelajar.
	H1	Terdapat hubungan signifikan antara komitmen dengan prestasi akademik pelajar.
3	H0	Tidak terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial dengan prestasi akademik pelajar.
	H1	Terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial dengan prestasi akademik pelajar.

2. Kaedah Penganalisan Data

Jadual 2: Kaedah Penganalisan Data

Bil.	Kaedah analisis	Fungsi
1	Analisis kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	Ujian ini dijalankan untuk mendapatkan tahap kebolehpercayaan bagi setiap persoalan yang dimasukkan ke dalam borang kaji selidik.
2	Analisa Deskriptif	Analisa ini dijalankan bertujuan untuk melihat kekerapan dan latar belakang responden. Analisis deskriptif digunakan oleh pengkaji untuk mendapat gambaran secara mudah, ringkas dan menyeluruh berkaitan kajian yang dijalankan. Contoh deskriptif seperti frekuensi, min, dan peratus.
3	Korelasi <i>Pearson</i>	Kaedah ini digunakan untuk mencari hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Korelasi <i>Pearson</i> digunakan kerana data bagi kajian adalah data tahap interval.

3. Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 35 orang responden pelajar Ijazah Sarjana Muda di KUIS yang dipilih secara rawak untuk mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang digunakan. Data yang diperolehi dari kajian rintis ini telah dianalisis dan dikaji. Kajian rintis ini dilakukan untuk mengetahui sama ada soalan-soalan ini mudah difahami atau tidak oleh responden dan memastikan agar kajian ini berkualiti dan dapat mencapai keputusan yang baik.

Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan Setiap Pemboleh ubah

Pemboleh ubah	<i>Cronbach Alpha</i>
Sokongan Ibubapa	0.813
Komunikasi	0.750
Komitmen	0.748
Sokongan Sosial	0.752

Nilai ujian kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi kajian rintis ini berada pada tahap tinggi dan boleh dipercayai. Berdasarkan Mohammad Najib (2003), nilai yang diterima adalah tidak kurang dari nilai 0.6 hingga 1.0 yang menunjukkan item boleh diterima dan digunakan. Berdasarkan Jadual 3.14, kesemua pemboleh ubah di dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai *Cronbach Alpha* yang tertinggi adalah didapati pada pemboleh ubah sokongan ibubapa iaitu 0.813. Nilai *Cronbach Alpha* terendah pula adalah pemboleh ubah komitmen iaitu 0.748.

DAPATAN KAJIAN

1. Data Responden

Sebanyak 331 set borang soal selidik telah diedar kepada responden dan hanya 326 telah diterima semula dan dianalisa. Kadar pulangan bagi borang soal selidik yang dikembalikan dan direkod adalah sebanyak 98.5% dan jumlah ini adalah sangat memuaskan. Pengumpulan data ini

mengambil masa selama 2 minggu. Jadual di bawah menunjukkan kadar responden dalam kajian ini.

Jadual 4: Kadar Pengumpulan Borang Soal Selidik

	Jumlah	Peratus (%)
Borang soal selidik yang telah diedarkan	331	100
Borang soal selidik yang diterima dan dianalisa	326	98.5

2. Analisis Deskriptif setiap Pembolehubah

Jadual 5: Analisis Deskriptif setiap Pembolehubah

Pembolehubah	Bilangan soalan	Min	Tahap
Sokongan Ibu Bapa	8	4.3060	Tinggi
Komunikasi	8	4.0268	Tinggi
Komitmen	8	3.7289	Tinggi
Sokongan Sosial	8	3.9390	Tinggi

Jadual diatas menunjukkan pernyataan-pernyataan bagi setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam borang soal selidik yang diberikan kepada responden. Nilai tahap min menunjukkan nilai yang tinggi seterusnya membuktikan ianya sesuai digunakan bagi mengukur setiap pemboleh ubah tersebut. Merujuk skor min di atas memberikan gambaran bahawa sokongan ibubapa, komunikasi, komitmen dan sokongan sosial mempengaruhi prestasi akademik pelajar KUIS.

3. Analisa Ujian Korelasi *Pearson*

Bagi menjawab persoalan kajian, kaedah analisa data yang digunakan ialah kaedah Korelasi *Pearson* kerana data yang digunakan adalah bertahap interval. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk menguji kekuatan hubungan di antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Jadual 6 menunjukkan nilai korelasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan aras kepercayaan korelasi antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar adalah kesemuanya signifikan dengan $\alpha=0.01$ (1%).

4. Perbincangan Hipotesis Kajian

Analisis Hipotesis 1

Dapatan kajian ini berjaya menemui hubungan yang signifikan positif sederhana iaitu 0.650 pada aras 0.000. Oleh itu, hipotesis kajian mengatakan terdapat hubungan yang signifikan di antara komunikasi dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar di KUIS diterima. Dapatan ini

menunjukkan bahawa semakin tinggi komunikasi daripada ibubapa, semakin meningkat prestasi akademik pelajar di KUIS. Dapatan kajian ini menunjukkan komunikasi mempunyai hubungan yang sederhana dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar.

Jadual 6: Jadual Nilai Korelasi

Kesan Sokongan Ibu Bapa Terhadap Prestasi Akademik Pelajar	Nilai Korelasi	Nilai Signifikan	Tahap
Komunikasi	.650**	.000	Sederhana
Komitmen	.446**	.000	Sederhana
Sokongan Sosial	.497**	.000	Sederhana

** . Korelasi signifikan pada aras 0.01

Analisis Hipotesis 2

Terdapat hubungan yang signifikan positif sederhana iaitu 0.446 pada aras 0.000. Secara langsung hipotesis kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara komitmen dengan prestasi akademik pelajar di KUIS. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi komitmen yang diberikan oleh ibubapa, semakin meningkat prestasi akademik pelajar KUIS. Dapatan kajian ini menunjukkan komitmen mempunyai hubungan yang sederhana dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar KUIS.

Analisis Hipotesis 3

Manakala, bagi pemboleh ubah yang ketiga ialah sokongan sosial mempunyai nilai pekali korelasi sebanyak 0.497 pada aras 0.000. Nilai ini adalah signifikan pada kadar yang sederhana positif. Oleh itu keputusan menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial daripada ibubapa terhadap prestasi akademik dalam kalangan pelajar KUIS. Hasil dapatan ini mendapati semakin tinggi sokongan sosial daripada ibubapa, maka semakin meningkat prestasi akademik pelajar KUIS. Dapatan kajian diringkaskan berdasarkan Jadual 7.

5. Kesimpulan Analisis

Hasil dapatan kajian deskriptif bagi pemboleh ubah sokongan ibubapa menunjukkan ianya pada tahap yang tinggi, komunikasi, komitmen dan sokongan sosial pula pada tahap tinggi dan sederhana. Di samping itu, analisis dapatan kajian bagi korelasi *Pearson* pula menunjukkan semua pemboleh ubah berada pada tahap signifikan positif sederhana. Hipotesis keseluruhan pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan pada tahap yang sederhana. Selain daripada itu juga faktor komunikasi didapati mempunyai hubungan yang paling signifikan atau dominan (Nilai korelasi adalah 0.650 pada aras 0.000) keatas prestasi akademik pelajar berbanding faktor-faktor lain.

Jadual 7: Ringkasan Hipotesis

No	Hip.	Butiran	Keputusan	Hasil Kajian Lepas
1	H ₀	Tidak terdapat hubungan signifikan antara komunikasi dengan prestasi akademik pelajar.	Tidak disokong	Zulkifli Abdul Hamid et al. (2011), penglibatan ibubapa dalam komunikasi memberi impak positif terhadap pencapaian prestasi akademik pelajar.
2	H ₀	Tidak terdapat hubungan signifikan antara komitmen dengan prestasi akademik pelajar.	Tidak disokong	Mohamad Johdi Salleh (2009), pendidikan pada peringkat awal di rumah dan komitmen daripada ibubapa akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar pada peringkat persekolahan.
3	H ₀	Tidak terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial dengan prestasi akademik pelajar.	Tidak disokong	Azizi Yahaya (2010) menyatakan bahawa dalam memenuhi keperluan sosial manusia memerlukan hubungan dengan insan lain kerana kita semua pada asasnya seorang insan yang berkasih sayang antara satu sama lain.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Pengkaji mengesyorkan beberapa cadangan kepada para pengkaji yang lain untuk mempertimbangkan beberapa perkara dalam mengendalikan kajian yang berkaitan tajuk ini pada masa hadapan:

- i. Kajian ini dilakukan hanya kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda dari tiga fakulti iaitu FPM, AI dan FSTM. Maka dicadangkan agar menggunakan skop kajian yang berbeza untuk memperluaskan sampel kajian bagi mendapatkan data yang lebih tepat.
- ii. Oleh kerana kajian ini memfokuskan kepada peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT), maka dicadangkan agar kajian pada masa hadapan dibuat perbandingan di peringkat sekolah.
- iii. Kajian ini hanya menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar yang sering diguna pakai oleh mana-mana pengkaji berkaitan sokongan ibubapa. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian masa hadapan memfokuskan kepada pemboleh ubah tidak bersandar yang berlainan seperti motivasi, dan sikap ibubapa terhadap anak-anak atau pelajar.
- iv. Instrumen kajian ini tidak menggunakan kaedah soalan terbuka (*Open-ended Question*) sebaliknya hanya menggunakan kaedah soalan tertutup. Kaedah ini menggunakan skala *Likert* yang memerlukan responden memilih jawapan mengikut skala yang telah ditetapkan. Hal ini membuktikan responden mempunyai peluang yang terhad untuk mengemukakan cadangan mahupun pendapat masing-masing terhadap kajian ini. Dengan itu, pengkaji pada masa hadapan boleh menggunakan kaedah soalan terbuka bagi mendapatkan maklumbalas yang lebih mendalam daripada responden yang terpilih.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa tiga faktor yang dikaji iaitu komunikasi, komitmen dan sokongan sosial mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Manakala faktor

komunikasi mempunyai hubungan yang paling signifikan (dominan) keatas prestasi akademik pelajar berbanding faktor-faktor lain.

Melalui rumusan kajian yang dilakukan, sokongan ibubapa melalui komunikasi, komitmen dan sokongan sosial berada pada nilai korelasi *Pearson* yang sederhana. Walaubagaimanapun, ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi prestasi akademik pelajar KUIS pada aras signifikan 0.000. Oleh itu, segala kekurangan perlulah dipertingkatkan dengan adanya tindakan dan kerjasama dari semua pihak. Kebijaksanaan ibubapa itu sendiri turut penting dalam dalam mengurus, menanamkan nilai-nilai murni dalam agama dan mendidik anak-anak mereka bagi mencapai matlamat dan kejayaan pada masa hadapan. Dengan persekitaran dan ekonomi yang maju dan mencabar, sokongan ibubapa perlu dititikberatkan dan dipikul sebaiknya sebagai persediaan dan panduan dalam kehidupan kearah kecemerlangan akademik dan kehidupan anak-anak mereka.

RUJUKAN

- Amla Salleh *et al.* (2010). Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 9-17.
- Andrew, J. H. & Karen, S. C. (2008). *Parental Effort, School Resources, and Student Achievement*.
- Arnold, D. H., Zeljo, A., & Doctoroff, G. L. (2008). Parent Involvement in preschool: Predictors and the relation of involvement to prelitory development. *School Psychology Review*, 37(1), 74-90.
- Azizi Yahya & Nalini a/p Madavan (2006). *Faktor-Faktor Lepak dan Hubungan Keibubapaan di Kalangan Pelajar Remaja di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. Skudai, Johor: UTM
- Candis, Y. H. (2003). *The Home Environment of Gifted Puerto Rican Children*. Diperoleh daripada <http://www.ncela.gwu.edu/ncbepubs/sumposia/third/html>
- Crosnoe, R. (2010). Family School Connections and the Transitions of Low Income Youths and English Language Learners from Middle School to High School. *Developmental Psychology*, 45(4), 1061-1076.
- DeFrain, J. & Asay, S. M. (2007). *Strong Families around the World: An Introduction to the Family Strength Perspectives Marriage and Family Review*.
- DePlanty, J., Coulter-Kern, R., & Duchane, K. A. (2007). Perceptions of Parent Involvement in Academic Achievement. *The Journal of Educational Research*, 100(1), 361 – 368.
- Dewan Bahasa & Pustaka (2007). *Kamus Dewan* (Ed. 4). Kuala Lumpur: National Government Publication.
- Dolly, P. C. (2006). *Keciciran Pelajar dan Implikasinya ke atas Praktis Kerja Sosial: Satu Kajian Kes di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuching, Sarawak*. (Tesis Sarjana, USM).
- Emat, Y. (2005). *Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Englund, M. M., Luckner, A. E., Whaley, G. J. L., & Egeland, B. (2004). Children's achievement in early elementary school: Longitudinal effects of parental involvement, expectations, and quality of assistance. *Journal of Educational Psychology*, 96(4), 723 – 730.

- Fatin Aliana Mohd Radzi (2003). *Persepsi Guru Sekolah Rendah Tentang Penglibatan Ibubapa Dalam Meningkatkan Prestasi Akademik Pelajar*. (Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, UM). Diperoleh daripada <http://core.ac.uk/download/pdf/11361652.pdf>
- Fauziah Hanim, Nazariah, & Hapsah (2006). *Menjana Kekuatan Keluarga dalam Pembangunan Pelajar IPT* (Tesis Sarjana).
- Gonzalez-Pienda et al. (2002). A Structural Equation Model of Parental Involvement Motivational and Aptitudinal Characteristics, and Academic Achievement. *The Journal of Experimental Education*, 70(3), 257-287.
- Henderson, A. T., & Mapp, K. L. (2000). *A New Wave of Evidence: The Impact of Family, School, Community Connections on Student Achievement*. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory. Diperoleh daripada <http://www.centerforparentleadership.org/NCLB%20Guide.pdf>.
- Hill, N. E., & Tyson, D. F. (2009). Parental Involvement in Middle School: A Meta-Analytical Assessment of the Strategies that Promote Achievement. *Journal of Developmental Psychology*.
- Howard Family Research Project (2007). Family Involvement makes a Difference: Evidence that Family Involvement Promotes School Success for Every Child of Every Age. *Howard Graduate School of Education*, 3, 1-12.
- Ismail Ibrahim (2002). *Disiplin Keluarga Jadi Penentu*. Diperoleh daripada <http://www.cikgu.net.my/malay/berita/moreberita>.
- Jeynas, W. H. (2005). *A Meta-Analysis of the Relation of Parental Involvement to Urban Elementary School Student Academic Achievement*. Urban Education.
- Jowett, S., & Baginsky, M. (1991). Parents and Education: Issues, Options and Strategies. *Educational Research*, 33, 199 – 204.
- Lareau, A. (2000). *Home advantage: Social class and parental intervention in elementary education*, Lanham, MD: Roman & Littlefield.
- Lee, J. S., & Bowen, N. K. (2006). Parent Involvement, Cultural Capital, and the Achievement Gap among Elementary School Children. *American Educational Research Journal*, 43(2), 193 -219.
- Mohammad Najib (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit UTM
- Mohammad Johdi Salleh et al. (2009). *Status Sosio Ekonomi dan Komitmen Ibubapa Terhadap Pencapaian dalam Penilaian Menengah Rendah*. Kertas Kerja dibentangkan di Malaysia 14th International Conference on Education.
- Mohanan, K. C., Steinberg, L. & Cauffman, E. (2009). Affiliation with Antosocial Peers, Susceptibility to Peer Influence, and Antisocial Behavior during the Transition to Adulthood. *Developmental Psychology*.
- Mohd Fadzli Abu Bakar (2007). *Hubungan Antara Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan Tingkah Laku Positif di Kalangan Pelajar Darjah Khas Sekolah Agama di Johor Bahru*. Tesis Sarjana.
- Mohd Taib Dora (2004). *Isu dan Faktor Penderaan Kanak-Kanak dan Juvana di Negeri Johor Darul Takzim*. Kerta kerja dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang.
- Muhammadul Bakir Yaakub (2004). *Peranan Keibubapaan dalam Menangani Permasalahan Sosial Semasa dari Perspektif Islam*. Kertas Kerja dibentangkan di Simposium

- Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang.
- Mustafa Daud (2004). *Pendidikan Keibubapaan: Satu Pengenalan Ringkas*.
- Mahaffy, K. A. (2004). Girl's Low Self Esteem: How is it related to Later Socioeconomics Achievements? *Gender and Society*, 18(3), 309-327.
- Naam Shahputra (2009). *Hubungan Konsep Kendiri dengan Prestasi Akademik Mahasiswa S1 Keperawatan Semester III Kelas Ekstensi Psik FK USU Medan*.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 4(2), 44-56.
- Noor Su'adah Mohd Zawawi & Zalinah Mohamed (2013). *Peranan Iubapa Membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Anak-Anak*. Johor Bahru, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norsaleha Mohd Saleh (2012). *Komunikasi Pendekatan Islam*.
- Nor Shafrin Ahmad *et al.* (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 125-142.
- Norzahida Mohamed (2013). *Komitmen Iubapa menerusi PIBG dalam membantu Pencapaian Akademik Pelajar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*. Parit Raja, Johor: UTHM.
- Rakhmat Jalaludin (2005). *Psikologi Komunikasi*. Bandung: Pt. Remaja Rosda Karya.
- Sapora Sipon (2010). *Peranan Iubapa dalam Menangani Masalah Sosial Remaja*. Peranan Psikologi dalam Masyarakat Malaysia. Sabah: UMS.
- Setiawan *et al.* (2006). *Akuntansi Keperilakuan: Konsep dan Kajian Empiris Perilaku Akuntan Semarang*. Universitas Diponegoro.
- Shumow, L., & Miller, J. D. (2001). Parents' at-home and at-school academic involvement with young adolescents. *Journal of Early Adolescence*, 21, 68 – 91.
- Siti Nor Yaacob *et al.* (1994). Faktor-Faktor Keluarga dan Tingkah Laku Tidak Bermoral di kalangan Remaja. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, 9, 125-141.
- Smith, J. G. (2002). Parental involvement in education among low income families: A case study. *The School Community Journal*, 16(1), 43 – 56.
- Soekidjan & Soegiarto (2009). *Komitmen Organisas: Apakah Sudah dalam Diri Anda?* Jakarta: Rineka Cipta
- West, A., Noden, P., Edge, A., & David, M. (1998). Parental involvement in education in and out of school. *British Educational Research Journal*, 24(4), 461-483.
- Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi (2004). *Ikatan dan Kawalan Iubapa Terhadap Tingkah Laku Delikuens Jabatan Kerja Sosial Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia*. Sintok, Kedah: UUM.
- Zalizan Mohd Jelas *et al.* (2005). Prestasi Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan*, 30, 93-111.
- Zamzam Mohd Walid & Nor Azila Mohd Noor (2011). *Pengaruh Sokongan Sosial Terhadap Sinisisme Perubahan Organisasi*. Kerta Kerja dibentangkan di *International Conference on Management (ICM 2011)*.
- Zulkifli Abd. Hamid *et al.* (2011). Hubungan antara Penglibatan Iubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.